



TEKS UCAPAN

**YANG AMAT BERTHORMAT
DATUK PATINGGI TAN SRI (DR)
ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI
BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG
PREMIER SARAWAK**

**SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN
RENJER KOMUNITI, FLAG-OFF OPERASI
BERSEPADU KHAZANAH (OBK) SERTA
PELANCARAN "1000 SITE VISIT TO SAVE
WILDLIFE"
PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

**PADA
11 APRIL 2026 (SABTU)**

**BERTEMPAT DI
DEWAN SEMEBA, KAMPUNG SEMEBA KUCHING**

**MASA
10.00 PAGI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan
Salam Segulai Sejalai.

[SALUTASI]

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sarawak Forestry Corporation atas komitmen berterusan dalam menerajui pelbagai inisiatif pemuliharaan biodiversiti di Sarawak.
2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan, khususnya melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), atas sokongan dan kerjasama erat dalam menjayakan inisiatif pada hari ini.

3. Kerjasama strategik ini mencerminkan kesepaduan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak dalam melindungi khazanah biodiversiti negara secara menyeluruh dan mampan.

KEKAYAAN BIODIVERSITI SARAWAK

Hadirin yang dihormati,

4. Sarawak amat bertuah kerana dikurniakan dengan kekayaan biodiversiti yang luar biasa. Hutan hujan tropika kita bukan sahaja menjadi habitat kepada pelbagai spesies flora dan fauna, malah merupakan warisan semula jadi yang perlu dipelihara untuk generasi akan datang.
5. Sehubungan itu, Kerajaan Sarawak telah menetapkan visi yang jelas, iaitu untuk menjadikan Sarawak sebagai sebuah wilayah yang menerajui pengurusan sumber semula jadi secara lestari, selaras dengan agenda pembangunan hijau dan ekonomi rendah karbon.

6. Dalam mencapai visi ini, terdapat beberapa misi utama kerajaan, antaranya:

- a) Pertama, memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan perlindungan hidupan liar dan kawasan hutan melalui pendekatan bersepadu seperti pelaksanaan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK).
- b) Kedua, memperkasakan penglibatan komuniti setempat melalui inisiatif seperti pelantikan Renjer Komuniti. Kita percaya bahawa komuniti adalah barisan hadapan dalam usaha pemuliharaan kerana merekalah yang paling dekat dengan alam sekitar.
- c) Ketiga, meningkatkan kesedaran dan pendidikan awam melalui program seperti "1000 Site Visit to Save Wildlife". Inisiatif ini amat penting untuk memastikan masyarakat memahami peranan mereka dalam melindungi hidupan liar dan ekosistem.

- d) Keempat, usaha berterusan SFC dalam memperkukuh pengurusan kawasan perlindungan seperti taman negara dan pusat hidupan liar, serta program rehabilitasi dan pelepasan semula spesies ke habitat asal.

- e) Kelima, penggunaan teknologi dan pendekatan inovatif dalam pemantauan biodiversiti, termasuk pengumpulan data lapangan bagi menyokong keputusan pengurusan yang lebih berkesan.

KOMITMEN PEMBANGUNAN LESTARI

Hadirin sekalian,

- 7. Inisiatif-inisiatif ini membuktikan bahawa Sarawak Forestry Corporation bukan sahaja memainkan peranan sebagai agensi pelaksana, tetapi juga sebagai peneraju dalam usaha memastikan kelestarian khazanah alam Sarawak terus terpelihara.

8. Kerajaan Sarawak komited untuk memastikan pembangunan ekonomi tidak mengorbankan kelestarian alam sekitar. Kita mengamalkan pendekatan pembangunan seimbang, di mana kemajuan ekonomi berjalan seiring dengan pemeliharaan alam semula jadi.

9. Pelaksanaan inisiatif seperti pada hari ini mencerminkan kesungguhan kita untuk:
 - a) Membanteras aktiviti pemburuan haram,

 - b) Melindungi spesies terancam, dan

 - c) Memastikan khazanah alam Sarawak terus terpelihara.

PENUTUP

10. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada para Renjer Komuniti yang dilantik pada hari ini. Tanggungjawab yang dipikul bukanlah ringan, namun saya yakin dengan semangat dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan, kita mampu mencapai matlamat bersama.

11. Akhir kata, saya berharap agar semua pihak – kerajaan, agensi pelaksana, komuniti, dan masyarakat – terus berganding bahu dalam menjayakan agenda pemuliharaan ini.

12. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan:

Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Renjer Komuniti,

Flag-Off Operasi Bersepadu Khazanah (OBK)

serta Pelancaran "1000 Site Visit to Save Wildlife"

Peringkat Negeri Sarawak

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik wal hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.